

KELANTAN

ENAKMEN 4 TAHUN 1994

ENAKMEN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN 1994

BAHAGIAN III - HARTABENDA-HARTABENDA AMANAH DAN KEWANGAN MAJLIS ZAKAT DAN FITRAH

Seksyen 51. Kuasa mengenai zakat dan fitrah.

Majlis hendaklah mempunyai kuasa tunggal dan mempunyai kewajipan memungut semua jenis zakat atau fitrah dalam Negeri ini dan membelanjakan hasil pungutan itu sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan berasaskan kepada Hukum Syarak.

Seksyen 52. Kewajipan membayar zakat dan fitrah.

Semua orang Islam di Negeri ini yang wajip ke atasnya membayar zakat atau fitrah, hendaklah menunaikannya apabila cukup syarat-syaratnya mengikut Hukum Syarak kepada mana-mana orang yang diberi kuasa mengikut Enakmen ini.

Seksyen 53. Perlantikan dan tanggungjawab amil.

- (1) Majlis boleh melantik amil-amil untuk mengendalikan pungutan zakat atau fitrah di mana-mana kawasan dalam Negeri ini menurut sebagaimana yang difikirkan patut.
- (2) Imam-imam masjid yang ditauliahkan dengan sendirinya menjadi amil atas nama jawatannya dan bertanggungjawab memungut mana-mana jenis zakat dan fitrah yang diperintahkan oleh Majlis dalam kawasan mukim masjid masing-masing.
- (3) Amil-amil hendaklah, tertakluk kepada perintah Majlis dari semasa ke semasa, menyediakan senarai tafsiran zakat dan fitrah bagi kawasan masing-masing.

Seksyen 54. Bayaran zakat dan fitrah.

- (1) Seseorang yang ditaksir layak membayar zakat atau fitrah hendaklah segera menunaikannya dalam kawasan masing-masing menurut kadar yang ditetapkan.
- (2) Bayaran zakat atau fitrah yang kena dibayar kepada Majlis hendaklah dilakukan dengan wang yang bersamaan dengan nilai zakat atau fitrah yang diwajibkan pada tahun yang berkenaan, melainkan jika Majlis memerintahkan sebaliknya.

Seksyen 55. Kuasa-kuasa amil.

- (1) Tertakluk kepada pengecualian dalam Enakmen ini tiada seorang pun berhak memungut, mengambil atau menerima zakat atau fitrah yang kena dibayar kepada Majlis kecuali amil-amil yang dilantik oleh Majlis, atau mana-mana orang yang diberi kebenaran bertulis oleh Majlis.
- (2) Seseorang amil yang dilantik di bawah seksyen 53 (1) adalah mempunyai kuasa dalam kawasannya sahaja.
- (3) Seseorang Islam yang layak membayar zakat atau fitrah hendaklah membuat bayaran di dalam kawasannya dan jika seseorang itu gagal berbuat demikian, setelah amil di kawasan itu memasukkan namanya dalam senarai taksiran, amil hendaklah segera melaporkannya kepada Majlis.
- (4) Jika dengan alasan keuzuran syar'ie atau alasan lain yang tertentu, seseorang itu tidak dapat membayar zakat atau fitrahnya kepada amil dalam kawasannya, maka Majlis boleh memerintahkan supaya dia membayar di mana-mana tempat atau kepada mana-mana amil yang ditentukan.

Seksyen 56. Bantahan mengenai taksiran zakat dan fitrah.

- (1) Mana-mana orang boleh mengemukakan bantahan kepada Majlis terhadap sesuatu tafsiran zakat atau fitrah dan Yang Dipertua hendaklah menimbangkan bantahan itu dan memberi keputusan mengenainya.
- (2) Keputusan Yang Dipertua ke atas bantahan yang dibuat di bawah seksyen ini adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan dalam mana-mana Mahkamah.

Seksyen 56. Bantahan mengenai taksiran zakat dan fitrah.

- (1) Mana-mana orang boleh mengemukakan bantahan kepada Majlis terhadap sesuatu tafsiran zakat atau fitrah dan Yang Dipertua hendaklah menimbangkan bantahan itu dan memberi keputusan mengenainya.
- (2) Keputusan Yang Dipertua ke atas bantahan yang dibuat di bawah seksyen ini adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan dalam mana-mana Mahkamah.

Seksyen 58. Fitrah.

- (1) Semua ketua keluarga atau mana-mana orang yang bertanggungjawab ke atas ahli rumah bagi mana-mana keluarga Islam di Negeri ini hendaklah bertanggungjawab mengenai fitrah dirinya dan ahli-ahlinya dan hendaklah dibayar kepada Majlis sebanyak dua pertiga daripada jumlah bilangan tanggungannya.
- (2) Satu fitrah ialah satu gantang Baghdad yang bersamaan dengan tiga satu perlapan cupak menurut sukatan tempatan, atau lebih kurang dua kilo enam ratus lapan puluh lima gram.
- (3) Bayaran fitrah boleh dikecualikan atas sebab-sebab kemiskinan dan amil bolehlah, setelah berpuashati dengan keadaan hidup seseorang itu dengan disahkan oleh mana-mana pegawai masjid mukimnya mengecualikan seseorang itu membayar fitrah.
- (4) Amil hendaklah menyediakan laporan kepada Majlis bagi menyatakan sebab-sebab seseorang itu dikecualikan daripada membayar fitrah.

Seksyen 59. Pungutan zakat harta, galian, rikaz dan lain-lain.

Kecuali diperuntukkan sebaliknya di dalam Enakmen ini, Majlis hendaklah bertanggungjawab secara langsung dalam urusan memungut zakat harta, galian, rikaz dan lain-lain.

Seksyen 60. Habuan kepada amil.

Majlis boleh menentukan kadar habuan kepada amil-amil dan boleh, dari semasa ke semasa, meminda kadar habuan itu.